

UMS terus sokong usaha k'jaan pelihara khazanah hutan



BERSAMA PENGANJUR...D.Kamarudin bergambar bersama ahli jawatankuasa panganjur.

NST 29.3.2017 2
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) akan terus menyokong usaha kerajaan memelihara khazanah hutan serta memupuk kesedaran masyarakat untuk menghargai hutan.

Shubungan itu Timbalan Naib Canselor UMS (Aka- demik dan Antarabangsa) Prof. Dr. D Kamarudin D Mudin mencadangkan agar pelajar universiti itu terutamanya pelajar FSSA menanam pokok iaitu satu pelajar satu pokok untuk menghijaukan kawasan kampus itu.

"Ini satu cabaran kepada FSSA dan pelajar untuk menjaga pokok dan memastikan pokok-pokok itu tumbuh dalam kampus. Kita menggalakkan penanaman pokok yang sukar didapati tetapi berharga dan ada risiko untuk pupus.

"Kampus UMS mempunyai keluasan lebih 900 ekar dan masih banyak kawasan kosong yang boleh ditanam dengan pokok-pokok berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melancarkan Sambutan Hari Perhutanan Sedunia, di Kompleks Perhutanan, FSSA, di sini, kelmarin.

Sementara itu Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr.Mohd Harun Abdullah dalam teks ucapannya yang disampaikan oleh D.Kamarudin, berkata tema Hari Perhutanan Sedunia 2017 "Forest and Us", menjelaskan kepentingan hutan untuk semua kehidupan dan hubungan antara manusia dan alam yang memainkan peranan utama dalam pembangunan hutan mapan.

"Saya berharap program Hari Perhutanan Sedunia da-

pat dijadikan sebagai pemangkin untuk kita semua bekerjasama ke arah memastikan pemuliharaan yang berterusan terhadap hutan di negara ini.

"Oleh itu, kita perlu terus hijaukan alam sekeliling dengan memperbanyakkan penanaman pokok atau tumbuhan seperti mengadakan program penanaman pokok," katanya.

Sempena sambutan itu kira-kira 150 pokok sungkai atau Peronema canescens ditanam di sekitar kawasan bangunan Kompleks Perhutanan sebagai sokongan dan usaha menjadikan UMS sebuah kawasan hijau, indah dan cantik.

Sementara itu Pensyarah Program Teknologi dan Industri Kayu FSSA, Prof Dr. Hamami Sahri menyokong cadangan D Kamarudin supaya setiap pelajar UMS menanam satu pokok sebagai aktiviti kokurikulum atau se-

bagai antara program ecocampus.

"Kawasan penanaman tiada masalah kerana banyak tanah yang masih kosong di kawasan kampus ... kalau tiada, mungkin boleh cari kawasan awam atau kawasan sekolah yang memerlukan penanaman pokok," katanya.

Ketua Program Teknologi dan Industri Kayu, Janshah Moktar berkata, pelajar universiti itu telah memulakan penanaman pokok sejak tahun 2000 bagi menghijaukan kawasan persekitaran.

Katanya antara pokok yang ditanam ialah spesies yang ada di Borneo iaitu Pokok Belian, Pokok Tualang atau Manggaris, Gaharu, Sungkai dan Akasia.

Turut hadir Dekan FSSA Prof Dr.Baba Musta. - **OLEH MARRYAN RAZAN - marrayan@newsabah-times.com.my**



POKOK SUNGKAI...D.Kamarudin (tengah) menanam pokok Sungkai sempena sambutan Hari Perhutanan Sedunia di UMS, turut kelihatan Dr.Baba (kanan).